



**SURAT HASRAT UNTUK BEKERJASAMA ANTARA
UNIVERSITAS PENDIDIKAN GANESHA
DAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Tertakluk kepada undang-undang dan polisi-polisi semasa, dalam usaha untuk menggalakkan usahasama dan faedah ke atas kedua-dua pihak, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Fakultas Ilmu Pendidikan Universitas Pendidikan Ganesha, Singaraja, Bali, Indonesia dan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, dengan ini bersetuju bahawa Surat Hasrat Untuk Bekerjasama ini akan bertindak sebagai rangka kerja am bagi kerjasama yang akan diadakan seperti berikut:

- a) Program Mobiliti Akademik (Internship Kaunseling);
- b) Kerjasama penyelidikan dalam bidang pendidikan, Bimbingan dan Kaunseling serta bidang-bidang lain berkaitan;
- c) Kerjasama penerbitan akademik dan penerbitan jurnal antarabangsa;
- d) Pertukaran kepakaran ahli akademik;
- e) Penganjuran persidangan dan seminar bersama;
- f) Program pertukaran pensyarah dan profesor pelawat;
- g) Pertukaran pelajar program Sarjana dan Pascasarjana;
- h) Program lawatan sambil belajar dan latihan jangka pendek untuk pelajar dan kakitangan;

Kedua-dua pihak akan melantik penyelarasan dari setiap pihak bagi pelaksanaan aktiviti secara bersama.

Kedua-dua pihak memahami bahawa sekiranya aktiviti-aktiviti tersebut hendak dilaksanakan, segala kos dan tanggungan hendaklah dibincangkan bersama dan bergantung kepada sumber yang ada di institusi masing-masing.

Butiran pelaksanaan setiap projek perlulah diperincikan secara bersama.

Sekiranya kedua-dua pihak ingin melaksanakan program kerjasama, maka kedua-dua pihak akan memasuki Memorandum Persefahaman (MoU) atau Memorandum Perjanjian (MoA) yang akan mengikat kedua-dua pihak.


Pihak-pihak dengan ini menurunkan tandatangan pada Surat Hasrat ini.

Bagi
UNIVERSITAS PENDIDIKAN GANESHA


.....
Dr. I Ketut Gading, M.Psi
Dekan
Fakultas Ilmu Pendidikan

Tarikh: 23 October 2019

Bagi
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA


.....
PROF. DATO' DR. NORAZAH MOHD NORDIN
Dekan
Fakulti Pendidikan

Tarikh: 23 October 2019